



**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN**

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2020**

**5 APRIL 2021**

## “SALUTASI”

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.



Yang Berbahagia

**Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan**

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato'-Dato',

Para penerima anugerah yang diraikan;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

## PENDAHULUAN

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia NYA jua, kita dapat bersama-sama hadir di majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi tahun 2020 pada pagi ini. Tahniah dan syabas kepada penerima APC yang terdiri daripada

Warga Kerja Raya serta agensi di bawahnya. Tahniah juga kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR serta ahli jawatankuasanya kerana berjaya menganjurkan program ini setiap tahun.

2. Untuk makluman semua, daripada 859 penerima APC KKR untuk tahun 2020, seramai 58 penerima adalah daripada KKR, 690 daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), 83 daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan 28 daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
3. Bagaimanapun demi mematuhi SOP ke arah mengekang penularan wabak COVID-19 dan selaras dengan keputusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia – PRESTASI Bilangan 1 Tahun 2021, maka majlis penyampaian anugerah diadakan secara berasingan mengikut agensi. Bagi majlis pada hari ini kita memfokuskan kepada penerima yang bertugas di Kementerian Kerja Raya sahaja.

## **TEMA APC KKR 2020**

Hadirin Yang Dihormati Sekaian,

4. **“Pendigitalan Organisasi Melonjak Kecemerlangan Prestasi”**  
telah dipilih sebagai tema APC KKR tahun ini. Tema ini bertepatan dengan perkembangan dunia digital dan Revolusi Perindustrian 4.0 atau singkatannya IR4.0. Ia juga selaras dengan hasrat Kerajaan dalam Pendigitalan Perkhidmatan Awam atau *e-Government* yang memberi fokus kepada pendigitalan penyampaian perkhidmatan.
5. Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah mengubah cara kehidupan seharian kita secara drastik. Ini termasuklah perubahan cara berkerja sehingga menuntut setiap dari kita mengadaptasi norma baharu. Stigma bekerja di pejabat juga telah berubah kepada Bekerja Dari Rumah atau *Work From Home* iaitu satu istilah baharu bagi kita semua dalam tempoh setahun ini.
6. Perkhidmatan Kerajaan atas talian juga adalah satu pendekatan terbaik dan dijangkakan kesemua perkhidmatan akan disatukan di bawah satu platform dengan aplikasi pintar yang boleh diintegrasikan dengan aplikasi kerajaan yang lain. Justeru, adalah penting bagi setiap penjawat awam untuk celik IT dalam menyampaikan perkhidmatan mengikut kehendak pelanggan.

7. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan juga telah bermula pada 24 Februari 2021 yang lalu. Ini bagi memastikan penduduk negara ini, baik rakyat tempatan atau warga asing, dilindungi daripada wabak COVID-19 yang telah meragut 1,288 nyawa di Malaysia, sehingga semalam (4 April 2021). Untuk makluman, fasa kedua Program Imunisasi COVID-19 akan bermula dalam masa terdekat. Sehubungan itu, saya menasihati semua warga KKR yang belum berdaftar bagi menerima vaksinasi supaya mendaftar dengan kadar segera. Kita masih belum menang, amalan penjarakan sosial, menjaga kebersihan diri, mengelakkan kawasan yang sempit dan sesak serta memakai pelitup muka di tempat awam juga adalah antara kunci penting untuk kita mengekang penularan virus ini.

## **INTEGRITI PENJAWAT AWAM**

Para hadirin sekalian,

8. Aspek integriti, kepantasan dan profesionalisme dalam melaksanakan tanggungjawab perlu ada pada setiap penjawat awam. Nilai ini perlu sentiasa dihayati dan diamalkan secara berterusan demi memelihara keyakinan rakyat kepada perkhidmatan awam dan imej negara di persada antarabangsa.

9. Tiga langkah yang boleh diambil demi menjaga imej penjawat awam ialah pertamanya, dengan menjaga amanah dan integriti diri serta menjauhkan diri daripada gejala-gejala rasuah. Kedua, tidak menutup mata terhadap kes-kes ketirisan integriti, malah perlu ambil tahu dan ambil peduli tindakan rakan-rakan dalam perkhidmatan awam. Ketiga, perlu memperkemaskan sistem dan prosedur kerja.
  
10. Kementerian memandang serius terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara terutama terhadap isu-isu projek yang melibatkan kepentingan rakyat dan negara. Usaha hendaklah dilakukan secara berterusan dalam memastikan segala isu yang dibangkitkan Jabatan Audit Negara diatasi dengan pemantauan atau penyeliaan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Pada masa sama, kepakaran teknikal harus ditingkatkan bagi mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada pihak perunding atau kontraktor. Pengurusan aset juga perlu diberi perhatian bagi memastikan kesemua aset Kementerian diurus dan direkod dengan baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan bagi mengelak sebarang pembaziran.

## **PEMBANGUNAN LATIHAN DAN MODAL INSAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Proses peningkatan kompetensi warga Kementerian boleh direalisasikan melalui pembangunan latihan modal insan yang terancang dan efektif. Bagi menyahut seruan Kerajaan yang menggalakkan pelaksanaan program latihan secara atas talian, pada tahun 2020 semua warga diwajibkan melengkapkan 30 jam untuk menghadiri latihan melalui E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) atau kaedah pembelajaran atas talian lain yang ditawarkan dalam pasaran. Sehingga akhir tahun lalu, seramai 682 warga Kementerian telah mengikuti kursus yang berkaitan.
  
12. Bagi penerima APC, salah satu kriteria pencalonan adalah kehadiran berkursus sekurang - kurangnya 42 jam bertujuan menjadi teladan kepada organisasi. Secara keseluruhan, prestasi kehadiran 5 hari berkursus bagi warga KKR untuk tahun 2020 mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 100 peratus. Syabas kepada semua warga Kerja Raya.

## **KESIHATAN MENTAL DAN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Pandemik COVID-19 memberi impak kepada setiap lapisan masyarakat. Walaupun tujuan sekatan pergerakan sosial adalah untuk melindungi rakyat daripada jangkitan, tetapi ia secara tidak sengaja turut memberi kesan kepada kesihatan mental. Sehingga 28 Mac 2021, dapatan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) menunjukkan rakyat Malaysia masih berada di tahap sederhana dengan skor 7.2 daripada 10.
  
14. KKR melalui BPSM telah mengambil inisiatif dengan menawarkan perkhidmatan psikologi secara profesional di Kementerian bagi memastikan tahap kesejahteraan psikologi warga KKR terjamin. BPSM telah mewujudkan Pusat Khas Rejuvinasi Pemikiran dan Tingkahlaku (SPECTRUM) dengan menawarkan pelbagai kemudahan dan fasiliti yang selesa bertempat di Tingkat 10 Blok B.
  
15. Sesungguhnya organisasi yang seimbang dan mempunyai warga kerja yang sejahtera dapat membantu meningkatkan mutu kerja dan kehidupan secara umum. Kesedaran dan pengetahuan berkaitan psikologi dan kesejahteraan minda perlu diutamakan dalam



mencapai objektif organisasi dan menjana modal insan yang bermutu seiring dengan misi dan visi Kementerian.

## **HALA TUJU KKR TAHUN 2021**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Tahun 2020 menyaksikan tahun yang begitu mencabar bagi seluruh lapisan masyarakat di negara ini, namun begitu KKR terus komited dalam memastikan pembinaan infrastruktur dan bangunan kerajaan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Dalam tahun 2020 juga KKR telah berjaya melancarkan beberapa pelan sebagai panduan hala tuju KKR untuk tempoh jangka panjang.
  
17. Antaranya ialah pelancaran Pelan Strategik Organisasi Kementerian KKR Tahun 2021 – 2025, yang memfokuskan kepada pemantapan tadbir urus penyampaian perkhidmatan KKR kepada rakyat dan pemegang taruh. Ini termasuklah usaha memulihkan semula ekonomi Malaysia melalui industri pembinaan ke arah merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Turut berjaya disiapkan dan dilancarkan adalah Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan 2030* (HNDP 2030). Pelan ini menjadi rujukan utama semua

Kementerian, Agensi Pusat dan Kerajaan Negeri untuk perancangan projek pembangunan rangkaian jalan raya bagi RMK-12, RMK-13 dan selepas RMK-13. Kedua-dua pelan ini telah dilancarkan secara maya pada 29 Januari 2021.

18. Saya juga telah melancarkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) KKR 2021-2025 pada 24 November 2020 yang lalu. Pelan ini dirangka berpandukan 4 strategi iaitu memupuk tadbir urus yang baik, memantapkan kecekapan dalam pengurusan projek, meningkatkan akauntabiliti dan profesionalisme dalam pengurusan kewangan serta memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan serta memperkasakan ketelusan pentadbiran.
19. Kementerian juga akan melancarkan dasar-dasar utama pada tahun ini seperti Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP2030) dan Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuhraya 2030 (DPJL2030) yang akan mengangkat tema "*Digitalising Construction Sector*". Ini merupakan hala tuju dan asas dalam perancangan dan pembangunan jalan raya dan lebuhraya oleh semua Kementerian serta Jabatan dan Agensi yang berkaitan dalam mencapai pembangunan yang inklusif dan mapan pada tahun 2030.

20. Kesemua pelan yang telah dirancang dan bakal dilaksanakan ini merupakan hasrat Kementerian selaku peneraju pembangunan infrastruktur Negara secara holistik. Seluruh warga Kerja Raya adalah nadi penggerak dan pelaksana visi dan misi besar ini. Kecemerlangan perkhidmatan kita semua adalah penentu hala tuju sektor infrastruktur ini, sama ada ia bergerak pada landasan yang betul atau pun tidak. Sesungguhnya, ia merupakan satu tanggungjawab dan amanah besar yang harus dipikul oleh kita semua sebagai penjawat awam sepertimana ikrar akujanji yang pernah dilafazkan.

## **PENUTUP**

Para hadirin yang dihormati sekalian

21. Majlis Penganugerahan hari ini bukanlah semata-mata bagi meraikan kejayaan individu, tetapi juga mencerminkan kejayaan organisasi. Pekerja yang hebat sudah semestinya menyumbang kepada organisasi yang unggul.

22. Semoga tuan-tuan dan puan-puan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2020 ini terus mengekalkan rentak

kecemerlangan dan meneruskan momentum prestasi yang positif ke tahun-tahun mendatang. Akhir kata, saya mengharapkan agar anugerah ini akan terus membakar semangat setiap warga kerja KKR untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik sepanjang masa.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.